



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Ucapan oleh

YB GOBIND SINGH DEO

Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Majlis Penyerahan Dekoder myFreeview kepada Isi

Rumah B40 dan OKU

Kompleks Bersepadu KKMM, Kota Kinabalu, Sabah

20 Februari 2020

1. Selamat Petang dan Salam Harapan. Pertama sekali, saya mengalu-alukan kehadiran datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan semua, terutamanya tetamu-tetamu dari agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, ketua-ketua Jabatan, pihak industri penyiaran, dif-dif jemputan, serta rakan-rakan media ke **Majlis Penyerahan Dekoder myFreeview kepada Isi Rumah B40 dan OKU.**

Tuan-tuan dan Puan-Puan yang saya hormati,

2. Penyiaran televisyen percuma menggunakan teknologi analog selama 56 tahun yang lalu telah pun ditamatkan susulan kejayaan pelaksanaan *Analogue Switch-Off (ASO)* secara berfasa bermula dengan projek rintis di Pulau Langkawi, Kedah pada 21 Julai 2019, Wilayah Tengah dan Selatan pada 30 September 2019, Wilayah Utara dan Selatan pada 14 Oktober 2019 serta fasa terakhir di Sabah dan Sarawak pada 31 Oktober 2019 yang lalu.
3. Malaysia kini telah beralih dari siaran TV analog kepada siaran TV digital myFreeview sepenuhnya yang ditawarkan secara percuma tanpa yuran bulanan.

4. Peralihan ini memberikan satu anjakan serta peluang kepada pengamal industri penyiaran dalam usaha mencorak dan mengukir wajah baru dunia penyiaran tanahair.

5. Pada hari ini, Rakyat dapat menikmati siaran TV digital myFreeview melalui penggunaan dekoder dan Integrated Digital TV (IDTV) yang di sambungkan kepada antena luaran atau dalaman. Bagi mereka yang masih belum mendapatkan dekoder atau IDTV tersebut, saya menyeru agar segeralah lakukan sedemikian bagi menikmati siaran TV digital myFreeview secara percuma yang menawarkan pelbagai pilihan saluran TV dengan kualiti audio dan visual definisi tinggi atau '*High Definition*' (HD).

Tuan-tuan dan Puan-Puan yang saya hormati,

6. Kerajaan tetap akur dan mengiktiraf keperluan Rakyat terutama golongan seperti B40 dan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam meniti arus perkembangan digital.

7. Menyedari hakikat ini dan selaras dengan konsep Kemakmuran Bersama, Kementerian ini telah mengambil inisiatif untuk mengagihkan dekoder percuma kepada golongan B40 dan OKU demi memastikan golongan ini tidak ketinggalan dalam mengakses informasi secara mudah.
8. Kerajaan tetap prihatin terhadap kebajikan golongan B40 dan OKU sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk memastikan mereka yang benar-benar memerlukan bantuan ini terjaga dan tidak ketinggalan.
9. Saya amat gembira pada hari ini, syarikat MYTV Broadcasting Sdn Bhd (MYTV) dengan kerjasama KKMM dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) kini sedang melaksanakan **pengagihan dekoder di Kota Kinabalu bermula pada 20 Februari sehingga 22 Februari 2020 kepada isi rumah B40 dan golongan OKU.**
10. Kami menyedari bahawa masih terdapat permintaan rakyat untuk mendapatkan dekoder percuma ini. Sebagai Kerajaan yang prihatin dan sentiasa peka terhadap keperluan rakyat, kami telah memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada permintaan ini.

11. Maka, Kerajaan melalui MCMC akan melaksanakan **inisiatif pemberian 300,000 unit dekoder percuma kepada isi rumah B40 dan OKU** sebagai tambahan kepada 2 juta unit dekoder yang telah diperuntukkan oleh syarikat MYTV sebelum ini. Kos yang dianggarkan sebanyak **RM30 juta** untuk tujuan ini akan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

12. Pada masa ini, platform myFreeview menawarkan 14 saluran televisyen percuma iaitu TV1, TV2, TV Okey, Berita RTM, RTM Sports, TV3, ntv7, 8TV, TV9, 2 saluran interaktif CJ Wow Shop, Bernama TV, TV Al Hijrah dan Astro Go Shop, berbanding tujuh (7) saluran TV yang ditawarkan menerusi siaran TV analog sebelum ini. Di samping itu, platform myFreeview juga menawarkan enam (6) saluran radio RTM iaitu Nasional FM, Asyik FM, Klasik Nasional, Traxx FM, Ai FM dan Minnal FM.

13. Siaran TV Okey yang disediakan khas untuk Rakyat Sabah dan Sarawak oleh RTM bertujuan membuka peluang kepada penerbit tempatan untuk menyediakan kandungan-kandungan baru yang sesuai dengan cita rasa Rakyat tempatan.
14. Saya turut menyeru agar penerbit-penerbit tempatan mengambil peluang untuk menyediakan pelbagai kandungan TV kepada platform TV digital ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati,

15. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Majlis Penyerahan Dekoder myFreeview kepada Isi Rumah B40 dan golongan OKU.
16. Akhir kata, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kompleks Bersepadu KKMM kerana memberi sokongan dan kerjasama yang padu dalam memastikan kejayaan dan kelancaran majlis pada hari ini.

Terima Kasih dan Salam Sayangi Malaysiaku.